

Bersekongkol dengan teman lelaki warga Nigeria seludup dadah RM18.7 juta

# Wanita Melayu dalam keldai dadah

SEPAANG - Tiada sesiapa yang menyangka dalang satu sindiket yang disyaki menggunakan enam keldai dadah untuk menyeludup 75 kilogram (kg) barangan terlarang bernilai RM18.7 juta itu sejak empat bulan lalu rupa-rupanya seorang wanita Melayu berusia 43 tahun.

Dengan berselindungkan statusnya sebagai pemilik sebuah agensi pelancongan, wanita itu bersama teman lakinya, seorang pelajar kolej warga Nigeria berusia 28 tahun merancang operasi sindiket terbabit dengan begitu berjaya sehingga dapat membolosi kawalan pihak berkuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang sebanyak 25 kali dalam tempoh empat bulan lalu.

Mereka melatih enam rakyat tempatan, lima lelaki dan seorang wanita yang kesemuanya berusia dalam lingkungan 20-an untuk menjadi keldai dadah dan pada masa yang sama, bekerja di agensi pelancongan terbabit.

Setiap seorang daripada keldai dadah itu disyaki telah keluar negara sebanyak empat atau lima kali sejak empat bulan lalu.

Mereka kemudian membawa masuk dadah dalam bagasi masing-masing dengan menyalahgunakan kemudahan lorong hijau di KLIA untuk melepasi pemeriksaan Kastam.

Bagaimanapun, taktik licik mereka berakhir selepas dua daripada keldai dadah itu ditahan ketika mahu menyerahkan hasil penyeludupan terbaharu kepada wanita tersebut dan kekasihnya di sebuah rumah di Kepong pada 14 Februari lalu.

Bersama mereka ialah bungkusan syabu seberat 3.3 kg bernilai RM825,000 yang diseludup oleh salah seorang daripada keldai dadah itu dari Kemboja pada hari sebelumnya.

Timbalan Pengarah Kastam Diraja Malaysia Cawangan KLIA, Siti Baya Berahan berkata, siasatan mereka menda-



SITI BAYA dan Penguasa Kastam KLIA, Mohd. Farhan Izhar menunjukkan hasil rampasan dadah jenis syabu seberat 3.3 kilogram bernilai RM825,000 di Sepang semalam.

Dalam setiap kes, mereka akan pulang ke Malaysia dengan membawa tidak kurang daripada 3 kilogram dadah yang disorok dalam bagasi

## SITI BAYA

pati sepanjang empat bulan lalu enam keldai dadah itu telah ke luar negara sebanyak 25 kali.

“Dalam setiap kes, mereka akan pulang ke Malaysia dengan membawa tidak kurang daripada 3 kg dadah yang disorok dalam bagasi,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Antara destinasi asing yang menjadi tumpuan mereka ialah Phnom Penh, Johannesburg, Siap Reap, Manila, Cape Town, Mozambique dan Singapura.

Beliau berkata, kesemua suspek kini ditahan reman selama dua minggu bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Jika disabit kesalahan, mereka boleh dihukum mati mandatori.

Mengulas mengenai perbuatan menyalahgunakan lorong hijau, Siti Baya berkata, penggunaan kemudahan itu tetap akan diperiksa.

“Kita boleh periksa individu yang mencurigakan serta mereka yang baru tiba dengan penerbangan yang berisiko tinggi,” jelasnya.

Kastam sebelum ini bercadang memperkenalkan sistem Bee Line di KLIA bagi menangani jenayah penyeludupan bahan terlarang.

Penolong Ketua Pengarah KDRM (Bahagian Penguat Kuasa), Datuk Zainul Abidin Taib dipetik berkata, sistem beratur tersebut akan dipraktikkan di KLIA terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke semua lapangan terbang lain.

Menurutnya, ia berfungsi se-

## INFO Lorong Hijau

- Kemudahan yang diperkenalkan bagi melancarkan pergerakan penumpang pesawat yang tidak membawa barangan bercukai atau barangan terlarang.
  - Turut dibenar menggunakan lorong ini ialah kakitangan agensi pelancongan bertauliah.
  - Pengguna lorong ini tidak perlu melalui pemeriksaan ketat di pintu masuk negara ini, namun masih tertakluk kepada pemantauan dan pemeriksaan pegawai Kastam.
  - Bagi mereka yang membawa barang terlarang atau barang berdutinya perlu melalui lorong merah.
  - Lorong hijau disediakan sesuai dengan ketetapan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO).
- Sumber:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

bagai pemerhati gerak-geri penumpang yang tiba dengan pesawat.